

Elak Twitter digodam

BAGAIMANAKAH untuk melindungi akaun Twitter daripada digodam?
- Salim, Jerantut.

Pada masa ini, kes

*Diskusi
ICT*



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

membabitkan pencerobohan atau jenayah siber tidak mengira sesiapa. Asalkan ada peluang, setidak-tidaknya digunakan oleh penggodam siber ini pada mana-mana perkhidmatan digital seperti e-mel, laman sosial dan sebagainya kepunyaan sesiapa

sahaja yang longgar tahap keselamatannya untuk dijadikan tempat atau pelantar pelancaran serangan siber. Jadi, apa sahaja perkhidmatan siber yang digunakan perlu dipastikan tahap keselamatannya pada tahap yang terbaik termasuk pengguna akaun Twitter.

Terdapat satu ciri keselamatan tambahan pada log masuk bagi sesebuah akaun Twitter yang memerlukan pengguna memasukkan satu lagi kod keselamatan berbanding kata laluan yang sedia ada. Kod

keselamatan ini akan dihantar menerusi sistem pesanan ringkas ke telefon bimbit pengguna. Ciri keselamatan ini bertujuan untuk memastikan dengan lebih jitu yang pengguna itu sendiri mencapai masuk ke akaunnya.

Perkara ini memerlukan pengguna memilih pilihan ini pada konfigurasi akaun Twitter iaitu *Login Verification* dengan memilih kata laluan dan nombor telefon bimbit untuk masuk ke akaun Twitter.

Seterusnya dibincang lebih terperinci caranya.

- 1 Buka akaun Twitter dan masuk ke menu *Settings and Privacy*.
- 2 Pergi ke pilihan *Account > Security*.
- 3 Seterusnya tandakan pada pilihan *Login verification*. Seterusnya, ikut arahan seperti yang diminta sehingga selesai.
- 4 Klik butang OK.
- 5 Seterusnya tutup atau *log out* akaun Twitter dan buka semula setelah itu. Ini perlu untuk setkan kod keselamatan

sandaran.

6 Setelah buka akaun Twitter dan setelah masukan kod keselamatan, klik pada pilihan *Get backup code*.

7 Akhir sekali, salin dan simpan dengan sempurna kod keselamatan sandaran tersebut.

Kod keselamatan sandaran penting untuk digunakan oleh pengguna akaun Twitter sekiranya kad SIM atau telefon pintar tidak dapat dicapai sama ada hilang atau rosak.